

Semua pimpinan PN sokong Muhyiddin

BH
- 2/7/2020
m/s: 2

Ikrar bagi perkukuh persefahaman, kerjasama demi kestabilan politik, kemakmuran negara

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua pimpinan parti yang mendukung kerajaan Perikatan Nasional (PN), menzahirkan sokongan kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Dalam satu pertemuan bersama Perdana Menteri di Putrajaya semalam, mereka saling bermua-

fakat memperkukuhkan persefahaman serta kerjasama demi kestabilan politik, kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Beberapa keping foto pertemuan itu turut dimuat naik menerusi laman Facebook rasmi Muhyiddin.

Pemimpin yang hadir termasuk Muhyiddin selaku Presiden Parti



Pemimpin parti di bawah kerajaan PN mengadakan pertemuan dengan Muhyiddin di Putrajaya, semalam.

(Foto Facebook Muhyiddin Yassin)

Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU); Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; dan Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Turut hadir Presiden MCA, Datuk Seri Wee Ka Siong; Presiden MIC, Tan Sri S Vigneswaran; Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB), Datuk Patinggi Dr Abang Abdul Rahman

Zohari Abang Openg (PBB) dan Presiden Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Datuk Seri Dr Sim Kui Hian (SUPP).

Presiden Parti Demokratik Progresif (PDP), Datuk Seri Tiong King Sing (PDP); Presiden Parti Rakyat Sarawak (PRS), Tan Sri Dr James Jemut Masing (PRS); Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Seri Dr Maximus Ongkili;

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRSS), Arthur Kurup dan Presiden Parti Solidariti Tanah Airku (STAR), Datuk Dr Jeffrey Kitingan.

Mesyuarat selama dua jam itu turut dihadiri Ketua Whip Kerajaan PN, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Setiausaha Agung BERSATU, Datuk Seri Hamzah Zainuddin.